

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 15 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1 & 16

## Pengkelasan T20, B40, M40 dihapus berperingkat mulai tahun depan

### PADU bantu keberkesanan subsidi bersasar

#### Deri muka 1

"Kami akan melancarkan satu demi satu, bantuan sosial yang disepadukan berdasarkan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah," katanya ketika ditemui selepas melawat tapak mesin layan diri Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR), di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) di sini, semalam.

B40 dikenali sebagai Bottom 40 adalah kumpulan isi rumah terendah penduduk Malaysia dengan pendapatan purata bulanan di bawah RM4,850 M40, M40 atau Middle 40 adalah kumpulan isi rumah pertengahan dengan purata pendapatan bulanan antara RM4,851 hingga RM10,970,

manakala T20 atau Top 20 ialah kumpulan isi rumah tertinggi dengan pendapatan purata bulanan RM10,971 dan ke atas

Rafizi yakin perkara itu mampu direalisasikan dengan kerjasama pelbagai agensi menerusi perkongsian dalam Pangkalan Data Utama (PADU), sekali gus memastikan keberkesanan pelaksanaan program subsidi bersasar.

Beliau berkata, beberapa inisiatif atau dasar yang sedang dilaksanakan kerajaan ketika ini adalah berbeza berbanding dengan pendekatan yang dilakukan oleh pentadbiran sebelum ini, termasuk memberi manfaat kepada golongan tertentu yang memerlukan bantuan atau subsidi.

Mei lalu, Rafizi memaklumkan kerajaan akan mula me-

laksanakan peralihan dasar sosioekonomi daripada pendekatan berasaskan pendapatan B40, M40 dan T20 kepada berasaskan pendapatan boleh belanja bersih isi rumah, bermula Januari 2024.

Isnin lalu, tinjauan pendapat menerusi Facebook BH mendapati, cadangan supaya kategori pendapatan membabitkan kumpulan isi rumah B40, M40 dan T20 diubah dengan pendapatan boleh belanja bersih mendapat sokongan majoriti pengikut laman web itu.

Menerusi tinjauan yang dibuat untuk tempoh sehari itu, lebih 11,000 orang memberi maklum balas dengan majoriti daripada mereka bersetuju kategori pendapatan isi rumah diubah.

Menerusi tinjauan pendapat itu, isu yang dibangkitkan ialah wajarkah ditiadakan kategori pendapatan B40 M40 dan T20, sebaliknya diganti pendapatan boleh belanja bersih yang mengambil kira tanggungan dan perbelanjaan isi rumah dengan bilangan ahli keluarga berlainan, jenis kediaman dan perbelanjaan asas lain.

Mengenai IPR, Rafizi berkata, terdapat perancangan memperluaskan inisiatif IPR ke fasiliti perubatan awam, dengan kerjasama Kementerian Kesihatan.

Beliau juga meluahkan keyakinan sasaran 5,000 mesin IPR diterima pemohon yang layak menjelang hujung tahun ini, akan tercapai.

"Permintaan kepada makanan siap berharga rendah paling tinggi di tempat tumpuan orang ramai seperti kampus dan hospital," katanya.

IPR yang merangkumi tiga model iaitu INSAN, INTAN dan Inisiatif Operator Perkhidmatan (IKHSAN), dilancarkan pada 26 Februari lalu dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat sejajar dengan kenaikan kos sara hidup.

Kerajaan menyasarkan 100,000 peserta daripada isi rumah miskin tegar dan golongan B40 yang menyertai IPR, berupaya menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM2,000 sebulan bagi membolehkan mereka keluar daripada garis kemiskinan

## Pengkelasan T20, B40, M40 dihapus berperingkat mulai tahun depan

Oleh **Essa Abu Yamin**  
essabuyamin@bh.com

**Kuala Lumpur:** Kerajaan akan menghapuskan pengkelasan golongan T20, B40 dan M40 serta peralihan daripada subsidi menyeluruh kepada bersasar secara berperingkat mulai tahun depan.

Menteri Ekonomi Rafizi Ramli, berkata kerajaan perlu memastikan semua infrastruktur tersedia dan melakukan ujian perintis

sebelum memutuskan apakah tahap pendapatan yang layak diberikan bantuan dan menikmati subsidi.

Kerajaan juga, katanya sedang cuba meminimumkan kesilapan pengecualian subsidi yang berlaku akibat pengkelasan mengikut kategori gaji, namun ia perlu dijalankan secara berperingkat.

"Contohnya, Majlis Tindakan Ekonomi (MTEN) minggu ini kita sudah mula bincang simulasi, sia-

pa yang patut dapat apa, apakah pendekatan yang akan diberikan, adakah bantuan anak sejahtera, adakah akan diberi penambahan nilai pendapatan dan sebagainya.

"Semua sudah dibincangkan. Saya rasa tahun depan anda akan melihat peralihan daripada subsidi blanket dan pengkelasan T20, B40, M40, perlahan-lahan akan dihapuskan.

Nasional 16